



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 3 (65)
Tarikh : 05 Oktober 2020

Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

KEBENARAN PULANG BERMALAM DAN LAWATAN IBU BAPA SERTA WARIS MURID DI ASRAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat ketetapan agar semua murid di sekolah asrama dan kolej vokasional KPM dibenarkan untuk pulang bermalam pada hujung minggu atau cuti umum mulai **9 Oktober 2020**. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tertakluk kepada kekerapan **sekali sahaja** dalam tempoh antara empat (4) hingga enam (6) minggu dan **perlu mengikut jadual serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan** oleh pihak sekolah dan kolej vokasional berkenaan.

3. Di samping itu, KPM juga ingin memaklumkan bahawa mulai **9 Oktober 2020**, ibu bapa serta waris dibenarkan memasuki premis sekolah dan kolej vokasional pada hujung minggu dan cuti umum untuk bertemu murid tertakluk kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.

4. Namun begitu, **kebenaran ini tidak terpakai** untuk murid yang ingin pulang bermalam ke rumah mereka yang **berada dalam kawasan zon merah**. Ibu bapa serta waris yang **berada di kawasan zon merah juga tidak dibenarkan** untuk bertemu murid di asrama sekolah atau di kolej vokasional KPM.

...2/-

KPM.100-1/3/1 Jld. 3 (65)

5. Sehubungan ini, kebenaran pulang bermalam dan lawatan ibu bapa serta waris murid di asrama perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu yang telah dikemas kini dan boleh diakses melalui portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
7. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
9. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta